

NO SOALAN :58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2015

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kiriman wang pekerja asing di Malaysia yang dihantar ke negara asal mereka masing-masing setiap tahun dari tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan wang yang dihantar keluar negara untuk ganjaran dan pampasan pekerja di Malaysia melalui bank dan pemegang lesen bukan bank serta destinasi utama kiriman wang keluar untuk tahun

2010 - 2014 adalah sebanyak RM106.09 bilion di mana kiriman wang keluar negara yang dicatatkan pada tahun 2010 dan 2011 adalah masing-masing sebanyak RM13.4 bilion dan RM15.7 bilion. Pada tahun 2012 dan 2013 pula, jumlah kiriman wang keluar negara adalah masing-masing sebanyak RM19.7 bilion dan RM25.1 bilion. Manakala bagi tahun 2014, jumlah kiriman keluar yang direkodkan adalah sebanyak RM32.1 bilion yang telah mencatatkan perkembangan lebih daripada dua kali ganda berbanding nilai yang dicatatkan pada tahun 2010. Ini mencerminkan peningkatan penggunaan saluran kiriman wang secara formal terutamanya melalui pemegang lesen bukan bank. Destinasi utama kiriman wang keluar adalah Indonesia, Bangladesh, Nepal, India dan Filipina yang merangkumi 47% daripada jumlah kiriman wang keluar pada tahun 2014.

Pada akhir tahun 2014, terdapat 34 pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang dan 219 ejen yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang melalui lebih daripada 2,200 premis yang beroperasi di seluruh negara.